

UCAPAN YB BRIG. JEN. KHAIRY JAMALUDDIN
MENTERI BELIA DAN SUKAN MALAYSIA
SEMPENA MAJLIS PELANCARAN PUSAT MEDIA UTAMA (MAIN
PRESS CENTRE) DAN PUSAT PENYIARAN ANTARABANGSA
(INTERNATIONAL BROADCAST CENTRE)
10 OGOS 2017 DI MALAYSIA INTERNATIONAL TRADE AND
EXHIBITION CENTER (MITEC)

Assalamualaikum

Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia

Tuan-tuan, puan-puan, para hadirin yang dihormati sekalian

1. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada semua, terutamanya rakan-rakan penganjur dan pihak media ke majlis yang semestinya menambahkan lagi debaran menjelang Sukan SEA ke-29 dan Sukan Para ASEAN ke-9, yang lebih dikenali sebagai Kuala Lumpur 2017 (KL2017). Saya percaya, bukan sahaja kami sebagai penganjur yang teruja menunggu kedatangan KL2017, tetapi rakan-rakan media semua sudah pastinya tidak sabar-sabar lagi untuk menjalankan tugas masing-masing.
2. Bagi setiap negara peserta, temasya sukan seperti KL2017 adalah amat penting kerana inilah masanya hasil kerja mereka diuji setelah banyak pelaburan masa dan sumber di buat ke atas wakil masing-masing. Ribuan peminat di seluruh ceruk rantau ini juga sudah tentunya tertunggu-tunggu akan berita tentang pasukan kesayangan mereka. Dan kerana itulah, ribuan media bakal hadir ke Kuala Lumpur demi menyampaikan berita terkini kepada peminat di negara masing-masing. Ini diterjemahkan kepada 2,933 warga kerja yang terdiri dari wartawan, jurugambar, wartawan television, jurukamera serta krew hos penyiar yang datang bukan sahaja dari Malaysia dan rantau ini, tetapi juga media global seperti AFP (Agence France Presse),

Reuters, AP (Associated Press), European Pressphoto Agency (EPA), Getty Images, American Eyes Press dan Al Jazeera.

3. Jumlah petugas media yang akan membuat liputan temasya sukan SEA kali ni adalah hampir tiga kali ganda lebih besarnya dari Sukan SEA Singapura 2015. Bukan itu sahaja, KL2017 juga bakal membuat liputan siaran langsung paling komprehensif di mana sebanyak 28 acara sukan disiarkan secara langsung, iaitu satu sejarah terbaik Sukan SEA yang amat kita banggakan. Di Malaysia sahaja, 8 saluran akan dikhaskan untuk siaran temasya sukan ini. Kami juga menjangkakan tempoh siaran sebanyak 30 jam sehari yang dapat ditonton oleh orang ramai melalui RTM, Astro Arena dan Media Prima sepanjang temasya Sukan SEA berlangsung.

Saudara dan saudari sekalian,

4. Mengambil kira jumlah kehadiran media yang tinggi ini dan berpandukan kepada pengalaman di negara-negara penganjur sebelum ini, Jawatankuasa Pengelola Malaysia (MASOC) telah membuat perancangan yang teliti untuk memastikan kemudahan dan tempat yang ditawarkan adalah mencukupi dan selesa. Hari ini kita berbangga melihat hasil yang telah siap disediakan dalam kurang tempoh sebulan, iaitu pelancaran International Broadcast Centre (IBC) dan Pusat Media Utama yang dikenali sebagai MPC – Main Press Centre.
5. Kedua-dua ini bakal menjadi pusat nadi berita KL2017 dan saya percaya ia adalah yang terbesar pernah disediakan untuk para media di temasya Sukan ini. Sebanyak 744 stesyen kerja (work station) telah disediakan di kawasan ini yang berukuran seluas lebih kurang 35,000 kaki persegi.
6. Secara khususnya, IBC akan digunakan oleh sembilan penyiar dari empat negara. Dari Malaysia, tiga stesyen television kita akan berada di sini, iaitu RTM yang juga merupakan Hos Penyiar; dan Astro Arena serta Media Prima, kedua-

duanya memegang status sebagai Penyiar Rasmi. Penyiar yang lain pula ialah TVRI and SCTV dari Indonesia; TPT dari Negara Thai; VTV dan HTV dari Vietnam serta Mediacorp dari Singapura. Liputan temasya KL2017 dijangka bakal disaksikan di seluruh rantau Asia Tenggara ini.

7. Ketiga-tiga badan penyiar dari Malaysia yang saya sebutkan tadi akan bekerjasama rapat untuk produksi siaran langsung, dengan dibantu oleh pasukan produksi dari Mediacorp, TPT, SCTV, NEP and GForce.

Para hadirin sekalian,

8. Banyak kemudahan yang telah kami sediakan di IPC dan MPC untuk pengalaman bertugas yang selesa - dari pengambilan pas akreditasi sehinggalah *connectivity* yang pantas dalam menghantar berita semula ke ibu pejabat masing-masing. Bukan itu sahaja, *we are also paying great attention to details. Each work station comes with two powerpoints and USB sockets.* Kabel LAN untuk talian yang stabil juga ada untuk kegunaan semua. Khas untuk jurugambar juga, semuanya bertambah senang apabila Nikon, Canon dan Sony telah membuka pusat khidmat mereka di sini. Minuman dan makanan ringan juga kami sediakan.
9. Kemudahan sebegini bukan sahaja ada di MITEC. Di lokasi pertandingan lain, kemudahan yang sama akan kami sediakan, walaupun mungkin berskala lebih kecil, sejajar dengan keluasan venue pertandingan itu sendiri. Saya percaya tidak akan ada lagi masalah media perlu duduk di atas lantai atau perlu tunggu lama untuk menggunakan sumber kuasa (power points). Pihak media semua hanya perlu menumpukan perhatian mereka kepada tugas yang telah diamanahkan dalam memastikan yang terbaik dapat mereka berikan.

Saudara dan saudari sekalian,

10. Kami di MASOC juga bertungkus lumus dalam memastikan maklumat yang kami berikan dapat disampaikan dengan tepat dan cepat. Dari keputusan pertandingan sehinggalah ke sebarang isu-isu yang timbul. Kami telah pun menubuhkan satu *newsroom* kami sendiri yang dianggotai oleh lebih kurang 60 orang terdiri dari wartawan dan jurugambar rasmi yang akan memuatnaik maklumat dan berita rasmi ke aset digital KL2017, iaitu laman web, Instagram, YouTube, Facebook dan Twitter. Lebih itu lagi, aset digital ini, khususnya akaun rasmi YouTube KL2017 akan menempatkan siaran langsung kepada 28 disiplin sukan di mana dua saluran akan bersiaran langsung dan 13 lagi adalah saluran on-demand.

11. Jadi, bagi pihak media yang meminati sesuatu sukan tetapi perlu bertugas untuk pertandingan yang lain, anda tidak perlu risau. Anda pastinya tidak akan ketinggalan, terutamanya apabila anda memuat turun aplikasi telefon KL2017. Aplikasi telefon KL2017 yang dinamakan “KL2017 Games” ini akan dikemaskini dari masa ke semasa dengan maklumat seperti jadual perlawanan, keputusan, pungutan pingat terkini dan lain-lain lagi.

Saudara dan saudari sekalian,

12. Ramai dari kita yang hadir di sini ini akan duduk berkampung berhari-hari bersama rakan-rakan media yang lain, yang semestinya pesaing kita dalam mengeluarkan berita yang terbaik untuk pembaca atau penonton. Dalam era ledakan maklumat, semuanya perlu pantas. Ada juga yang percaya berita yang dikeluarkan, bukan sahaja perlu cepat dan tepat, tetapi juga mesti lain dari yang lain, untuk menarik perhatian pembaca.

13. Tidak dinafikan, ada sedikit sebanyak kebenaran tentang perkara ini. Namun begitu, suka saya mengingatkan kepada semua pihak agar lebih bertanggungjawab dan membuat penilaian yang sewajarnya ketika

menerbitkan cerita masing-masing. Sebelum sesuatu berita itu menghiasi muka depan surat khabar anda dengan tajuk sensasi, saya menyeru agar konteks dan impak berita itu, bukan sahaja kepada MASOC, tetapi juga kepada negara, dipertimbangkan dan menjadi panduan.

14. Ini terutamanya penting bukan sahaja dari aspek laporan mengenai penganjuran, tetapi sekiranya berlaku sebarang isu atau masalah yang melibatkan pelbagai pihak, seperti MASOC, para atlet, pihak berkuasa tempatan atau kontinjen luar negara. Pastikan anda mendapatkan maklumat yang tepat dan rasmi. Jangan menyulitkan lagi apa-apa masalah yang timbul dengan berita yang boleh mengeruhkan keadaan atau mengelirukan orang ramai.
15. Setakat ini, pihak media telah memberikan sokongan dalam pelbagai bentuk – dari laporan sehinggalah pendapat yang telah diberikan - yang amat baik sekali kepada MASOC dan KBS. Kami amat menghargai sokongan yang telah anda berikan kepada kami semua. Tanpa bantuan dari pihak media, sudah pastinya, semangat bangkit bersama yang sedang kita saksikan – dari Larian Obor yang mendapat sambutan hangat sehinggalah sesetengah tiket yang telah habis dijual – tidak akan berlaku.
16. Adalah menjadi harapan saya agar sokongan padu ini diteruskan sehingga selesainya temasya Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN di bulan September nanti. Insya'Allah, dengan kerjasama dari semua pihak, Malaysia bakal melakar sejarah sukan tergemilang yang pernah kita semua saksikan.

Sekian, terima kasih.